



MUSTAFA (tengah) didenda RM6,000 atau lima bulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam atas pertuduhan menghasut dan mengugut anggota penguat kuasa DBKL.

UGUT PENGUAT KUASA DBKL

Peniaga baju didenda **RM6,000**

Kuala Lumpur

Bapa lima anak didenda RM6,000 atau lima bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku menghasut dan mengugut anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan insiden membabitkan peniaga belon yang tular hujung Mac lepas.

Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan yang menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas peniaga baju

Mustafa Sulaiman, 57, berkata kepentingan awam perlu diutamakan dalam kes berkenaan kerana kenyataan tertuduh bagaikan mencurahkan minyak ke dalam api.

"Mahkamah berharap hukuman ini akan memberi pengajaran kepada tertuduh. Bagi kesalahan pertama, tertuduh didenda RM2,000 atau dua bulan penjara jika gagal membayar denda manakala bagi kesalahan kedua, tertuduh didenda RM4,000 atau tiga bulan penjara," katanya.

Mustafa didakwa membuat kenyataan yang mendatangkan khianat awam terhadap Mohammad Shahli Zaini Mohd Zulkepli, 32, dengan niat hendak menghasut orang awam untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh juga didakwa menakutkan mangsa sama

melalui kenyataan yang dihantar menerusi aplikasi WhatsApp dengan ugutan hendak menyebabkan kematian atau kecederaan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksan yang membawa hukuman maksimum penjara tujuh tahun atau denda, atau kedua-duanya.

Dia didakwa melakukan kedua-dua kesalahan di Menara Penguatkuasaan DBKL, Jalan Yaacob Latif Bandar Tun Razak, Cheras di sini pada 10.30 pagi 7 April lalu.

Terdahulu, peguam Dza-

fir Firdaus Ahmad Zubairy memohon hukuman denda minimum atas alasan anak guamnya penanggung tunggal keluarga yang menjaga lima anak, isteri dan mentua.

"Tertuduh tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau dan ia kesalahan pertama. Kenyataan anak guam saya tidak membawa sebarang hasutan dan ia hanya dihantar dalam kumpulan WhatsApp," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Amritpreet Kaur Rand-

hawa pula memohon hukuman setimpal kerana tangkap layar WhatsApp tersebut memaparkan kenyataan berbaur ancaman, hasutan dan ugutan dengan niat terhadap penguat kuasa DBKL sebagai penjawat awam yang menandatangani undang-undang.

"Tertuduh berniat jahat untuk menjejaskan reputasi dan imej Datuk Bandar serta menghasut untuk mendatangkan kecederaan kepada penguat kuasa DBKL," katanya.